

INISIATIF KAWALAN SUMBER AIR/DASAR	KANDUNGAN
<p>Dasar Strategi Pengurusan Sungai Di Negeri Selangor</p>	<p>1. Pengenalan</p> <p>1.1. Selaras dengan fungsi, bidang tugas dan perundangan LUAS, Dasar Strategi Pengurusan Sungai Di Negeri Selangor ini diangkat dan disyorkan oleh LUAS dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 30 Mei 2012. Tujuan utama dasar strategi ini diperkenalkan adalah sebagai usaha dan langkah LUAS bagi memastikan tiada sebarang aktiviti pelencongan, penjajaran dan pengambusan aliran air sungai boleh dibuat tanpa mendapat kebenaran Pengarah LUAS terlebih dahulu.</p> <p>2. Objektif</p> <p>2.1. Sebagai panduan dan rujukan kepada semua agensi/jabatan Kerajaan, pemilik tanah, pemaju tanah dan perunding swasta dalam pengurusan dan perancangan gunatanah sekiranya melibatkan aliran air sungai.</p> <p>2.2. Memaklumkan kepada pihak-pihak berkepentingan bahawa sekiranya aktiviti pelencongan, penjajaran dan pengambusan aliran air sungai dibuat dengan sewenang-wenangnya akan memberi kesan negatif yang sangat besar kepada alam sekitar dan manusia.</p> <p>2.3. Kriteria yang terlibat dalam strategi pengurusan sungai ini ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Semua sungai yang telah didaftarkan; atau 2) Sungai atau alur yang mempunyai kelebaran melebihi 3 meter; atau

INISIATIF KAWALAN SUMBER AIR/DASAR	KANDUNGAN
	3) Sungai atau alur yang mempunyai aliran air yang boleh mendatangkan kemudaratan sekiranya dialihkan, dilencongkan, dijajarkan, dicecilkan, dikambus atau dikonkritkan tertakluk tetapi tidak terhad oleh kajian hidraulik dan hidrologi yang disediakan.